

Pesta Kaamatan Peringkat Labuan tahun ini dibatalkan

LABUAN: Penganjuran Pesta Kaamatan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang dijadual 10 Mei 2020 telah dibatalkan disebabkan penularan koronavirus baru (COVID-19) yang melanda negara termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurut Setiausaha Persekutuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) Labuan, Jerome Mijin, (gambar) keputusan itu dibuat selepas mendapat arahan daripada Pengerusi Jawatankuasa Induk Pesta Kaamatan Negeri Sabah, Datuk Anthony Peter supaya penganjuran Pesta Kaamatan di semua peringkat Negeri Sabah termasuk Wilayah Persekutuan di batalkan berikutan penularan COVID-19.

"Pembatalan semua aktiviti Pesta Kaamatan diputuskan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Shafie Apdal yang disampaikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Induk Pesta Kaamatan, Datuk An-



thony Peter supaya program Pesta Kaamatan dibatalkan untuk tahun ini dan kita di Labuan juga akur dengan keputusan tersebut demi menjaga kesihatan seluruh warga Labuan," katanya dalam satu kenyataan di sini, pagi kelmarin. **-Oleh Jainudin Djimin**